POLITEKNIK MALAYSIA
TUANKU SYED SIRAJUDDIN

ISO 21001:2018 | EOMS

Profil
SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (SPOP)

DISEDIAKAN OLEH:
NURAYUNI BINTI NOORDIHAN (PEGAWAI PENGURUSAN KUALITI)

DILULUSKAN OLEH:
TS. KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK (PENGARAH)

TARIKH:
28 OKTOBER 2025

KANDUNGAN

KANDUNGAN 2
1.0 PENGENALAN 4
1.1 UMUM 4
1.2 TUJUAN PROFIL SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN 4
1.3 PENYEDIAAN, PENGUATKUASAAN DAN PENGEDARAN 4
1.4 PENYELARASAN PINDAAN 5
1.5 BAHAN RUJUKAN BERKAITAN 5
2.0 MAKLUMAT MENGENAI ORGANISASI 6
2.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI 6
2.2 PIAGAM PELANGGAN 6
2.3 AKTIVITI ORGANISASI 7
2.4 VISI 7
2.5 MISI 7
2.6 STRUKTUR ORGANISASI 8
2.7 FUNGSI JABATAN 8
2.7.1 Jabatan Akademik (Induk) 8
2.7.1.1 Jabatan Kejuruteraan Elektrik 8
b) Prospek Kerjaya 9
2) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) 9
b) Prospek Kerjaya 9
3) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) 10
b) Prospek Kerjaya 10
2.7.1.2 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal 11
b) Prospek Kerjaya 11
2.7.1.3 Jabatan Perdagangan 12
b) Prospek Kerjaya 12
2) Diploma Pengajian Perniagaan 13
b) Prospek Kerjaya 13
3) Diploma Sains Kesetiausahaan 13
b) Prospek Kerjaya 14
2.7.1.4 Jabatan Rekabentuk Dan Komunikasi Visual 14
b) Prospek Kerjaya 15

2) Diploma Teknologi Kreatif Digital Produksi Video (WBL) 15
b) Prospek Kerjaya 16
2.7.1.5 Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti 16
b) Prospek Kerjaya 17
2) Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal 17
b) Prospek Kerjaya 18
3) Diploma Pengurusan Pelancongan 18
b) Prospek Kerjaya 19
4) Diploma Pengurusan Resort 19
b) Prospek Kerjaya 20
5) Sijil Khas Operasi Katering 20
b) Prospek Kerjaya 20
2.7.1.6 Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi 21
a) Pengenalan 21
b) Prospek Kerjaya 21
2.7.2 Jabatan Akademik (Sokongan) 22
2.7.2.1 Jabatan Matematik, Sains dan Komputer 22
2.7.2.2 Jabatan Pengajian Am 22
2.7.2.3 Jabatan Sukan, Kokurikulum, Kebudayaan dan Warisan 23
2.7.3 Fungsi Unit 23
2.7.3.1 Unit Perhubungan Dan Latihan Industri (UPLI) 23
2.7.3.2 Unit Peperiksaan 24
2.7.3.3 Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) 24
2.7.3.4 Unit CISEC 25
2.7.3.5 Unit Jaminan Kualiti 25
2.7.3.6 Unit Centre of Technology (COT) 25
2.7.3.7 Unit Pengurusan Strategik 26
2.7.3.8 Jabatan Hal Ehwal Pelajar 26
2.7.3.9 Unit Pengurusan Psikologi 27
2.7.3.10 Unit Pusat Data Dan Teknologi Maklumat 27
2.7.3.11 Unit Pembangunan Dan Penyelenggaraan 27
2.7.3.12 Unit Pusat Sumber 28
2.7.3.13 Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) 28
2.7.3.14 Unit Pembangunan Instruksional Dan Multimedia 28
2.7.3.15 Unit Keusahawanan 29
2.7.3.16 Unit Kamsis 29

2.7.3.17 Unit Pentadbiran & Kewangan berfungsi: 29

2.7.3.18 Bahagian Komunikasi Korporat 30

3.0 SKOP PELAKSANAAN, DASAR KUALITI DAN OBJEKTIF KUALITI 31

3.1 SKOP PELAKSANAAN 31

Melaksanakan SPOP bagi proses Pemberian Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di peringkat Diploma dalam bidang kejuteraan, perdagangan, hospitaliti, rekabentuk & komunikasi visual dan teknologi maklumat beserta Sijil Kemahiran Khas bagi bidang hospitaliti kepada lulusan SPM dan setaraf dengannya. 31

3.2 PENGECUALIAN SKOP PELAKSANAAN 32

Klausa 7.1.5 Pemantauan dan Pengukuran Sumber 32

Justifikasi: 32

Klausa 8.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Produk dan Perkhidmatan. 32

Justifikasi 32

3.3 DASAR KUALITI 33

3.4 OBJEKTIF-OBJEKTIF KUALITI 33

4.0 KONTEKS ORGANISASI 34

4.1 MEMAHAMI ORGANISASI DAN KONTEKSNYA 34

4.2 MEMAHAMI KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN 35

4.3 SKOP SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN 37

4.4 SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN 38

4.4.1 Mewujud, Melaksana Dan Menambahbaik Secara Berterusan SPOP 38

Aktiviti Teras Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan 40

ii. Pendaftaran Pelajar 40

iii. Pengendalian Pengajaran dan Pembelajaran 40

iv. Pengendalian Peperiksaan 40

v. Penilai Perkhidmatan 40

vi. Penganugerahan Sijil Diploma 40

vii. Kebolehpasaran 40

5.0 KEPIMPINAN 42

5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN 42

5.1.1 Umum 42

5.1.2 Fokus Kepada Pelajar Dan Pihak Berkepentingan 43

d) Prosedur Proses Pengendalian Maklumbalas Pelanggan (PTSS- PK-PS-04) 43

a) Prosedur Pengurusan Risiko dan Peluang (PTSS-PK-PS-08) 43

5.1.3 Keperluan Tambahan Terhadap Pendidikan Berkeperluan Khas 43

5.2 DASAR SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (SPOP) 44

5.2.1 Membangunkan Dasar SPOP 44

5.2.2 Mengkomunikasikan Dasar SPOP 45
5.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG KUASA ORGANISASI 46
6.0 PERANCANGAN 47
6.1 TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG 47
6.1.1 Perancangan Tindakan Risiko dan Peluang 47
6.1.2 Proses Tindakan 47
6.2 OBJEKTIF PTSS 48
6.2.1 Perancangan Pencapaian Objektif PTSS 48
TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF STRATEGIK ORGANISASI 49
6.2.2 Strategi Untuk Mencapai Objektif Kualiti 49
6.3 PERANCANGAN PERUBAHAN 50
7.0 SOKONGAN 51
7.1 SUMBER 51
7.1.1 Umum 51
7.1.2 Sumber Manusia 52
7.1.3 Kemudahan 53
7.1.4 Persekitaran Untuk Operasi Proses Pendidikan 54
7.1.5 Pemantauan Dan Pengukuran Sumber 55
7.1.6 Pengetahuan Organisasi 57
7.1.6.1 Umum 57
7.1.6.2 Sumber pembelajaran 58
7.2 KOMPETENSI/ KECEKAPAN 60
7.2.1 Umum 60
7.2.2 Keperluan tambahan bagi pendidikan berkeperluan khas 60
7.3 KESEDARAN 61
7.4 KOMUNIKASI 62
7.4.1 Umum 62
7.4.2 Matlamat Komunikasi 62
7.4.3 Penyusunan Komunikasi (communication arrangements) 63
7.4.3.1 Asas penyusunan komunikasi 63
7.4.3.2 Proses Komunikasi 64
7.5 MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN 65
7.5.1 Umum 65
Arahan Kerja 66
Rujukan dan bukti pelaksanaan 66
7.5.2 Mewujudkan dan Mengemaskini 67

7.5.3 Kawalan Maklumat Didokumentasikan 68
7.5.3.1 Skop Kawalan 68
7.5.3.2 Aktiviti Dokumentasi 68
8.0 OPERASI 70
8.1 PERANCANGAN OPERASI DAN KAWALAN 70
8.1.1 Umum 70
8.1.2 Perancangan dan Kawalan Spesifik Bagi Produk dan Perkhidmatan Pendidikan 71
8.1.3 Keperluan Tambahan Pendidikan Keperluan Khas 72
8.2 KEPERLUAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 72
8.2.2 Berkomunikasi Tentang Keperluan Produk dan Perkhidmatan Pendidikan 74
8.2.3 Perubahan terhadap keperluan kepada produk dan perkhidmatan Pendidikan 75
8.3 REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BAGI PENDIDIKAN 75
8.3.4.4 Kawalan Reka Bentuk Pentaksiran Sumatif 76
8.4.1 Umum 76
8.4.2 Jenis dan Takat Kawalan 77
8.4.3 Maklumat Penyedia Luar 78
8.5 PENYEDIAAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 79
8.5.1 Kawalan Penyampaian Produksi dan Perkhidmatan 79
8.5.1.1 Umum 79
8.5.1.2 Kemasukan Pelajar 80
8.5.1.2.1 Maklumat Pra Kemasukan 80
8.5.1.2.2 Syarat Kemasukan 80
8.5.1.3 Penyampaian Produk dan Perkhidmatan Pendidikan 81
8.5.1.4 Pentaksiran sumatif 82
8.5.1.5 Pengiktirafan Terhadap Pembelajaran Yang Telah Ditaksirkan 82
8.5.1.6 Keperluan Tambahan Terhadap Pendidikan Berkeperluan Khas 83
8.5.1.6.1 Umum 83
8.5.1.6.2 Kaedah Penyampaian 83
8.5.1.6.3 Pentaksiran Pembelajaran 84
8.5.1.6.4 Sokongan Lain 84
8.5.3 Harta Milik Pihak Yang Berkepentingan 85
8.5.4 Pemeliharaan 86
8.5.5 Perlindungan Dan Ketelusan Terhadap Data Pelajar 86
8.5.6 Kawalan Perubahan Di Dalam Produk Dan Perkhidmatan Pendidikan 87
8.6 PELEPASAN *(RELEASE)* PRODUK DAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 87
8.7 KAWALAN OUTPUT PENDIDIKAN YANG TIDAK AKUR 88

8.7.1 Umum 88
8.7.2 Kaedah Pengurusan Ketidakakuran 88
8.7.3 Maklumat Yang Didokumentasikan 89
9.0 PENILAIAN PRESTASI 90
9.1.1 Umum 90
9.1.2 Kepuasan Pelajar, Benefisiari Yang Lain Dan Staf 91
9.1.2.1 Pemantauan Kepuasan 91
9.1.2.2 Pengendalian Aduan Dan Rayuan 92
9.1.3 Keperluan Pemantauan Dan Pengukuran Yang Lain 93
9.1.4 Kaedah Bagi Pemantauan, Pengukuran, Analisis Dan Penilaian 94
9.1.4.1 Umum 94
9.1.4.2 Skop Penilaian 94
9.1.5 Analisis Dan Penilaian 95
9.2 AUDIT DALAMAN 95
9.2.1 Tujuan 95
9.2.2 Proses Audit Dalaman 96
9.3 KAJIAN SEMULA PENGURUSAN 97
9.3.1 Umum 97
9.3.2 Input Kajian Semula 97
9.3.3 Output Kajian Semula Pengurusan 97
10.0 PENAMBAHBAIKAN 98
10.1 KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN 98
10.1.1 Proses Pengendalian 98
10.1.2 Maklumat Didokumentasi 99
10.2 PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN 99
10.3 PELUANG PENAMBAHBAIKAN 99

A. SENARAI EDARAN PROFIL SISTEM PENGURUSAN KUALITI

BIL	NO. SALINAN TERKAWAL	PEMEGANG DOKUMEN
1.	01	PENGARAH
2.	02	TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
3.	03	TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK
4.	04	PEGAWAI PENGURUSAN KUALITI

B. SENARAI PROSEDUR KUALITI DAN ARAHAN KERJA

Profil dan Prosedur Kerja Sokongan

BIL	NOMBOR DOKUMEN	TAJUK
1.	PTSS – PSPOP – 01	Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (SPOP)
2.	PTSS – PK – PS – 01	Penyediaan Belanjawan Tahunan
3.	PTSS – PK – PS – 02	Kawalan Maklumat Didokumentasikan
4.	PTSS – PK – PS – 03	Pengurusan Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan
5.	PTSS – PK – PS – 04	Pengendalian Maklumbalas Pelanggan
6.	PTSS – PK – PS – 05	Kawalan Terhadap Ketidakpatuhan Pemberian Perkhidmatan Pendidikan
7.	PTSS – PK – PS – 06	Pengendalian Audit Dalaman
8.	PTSS – PK – PS – 07	Perancangan dan Pengurusan Latihan Staf
9.	PTSS – PK – PS – 08	Pengurusan Risiko dan Peluang
10.	PTSS – PK – PS – 09	Pengurusan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Peralatan
11.	PTSS – PK – PS – 10	Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan
12.	PTSS – PK – PS – 11	Pengurusan Kamsis
13.	PTSS – PK – PS – 12	Pengurusan Penyelenggaraan Perkakasan Komputer dan Sistem Rangkaian
14.	PTSS – PK – PS – 13	Pengurusan Pusat Sumber

Prosedur Kerja Pemberian Perkhidmatan Pendidikan

BIL	NOMBOR DOKUMEN	TAJUK
1.	PTSS – PK – PPP – 01	Perancangan Aktiviti PPP PTSS
2.	PTSS – PK – PPP – 02	Penyediaan Jadual Waktu
3.	PTSS – PK – PPP – 03	Pengurusan Pendaftaran Pelajar
4.	PTSS – PK – PPP – 04	Pengendalian Program Minggu Transformasi Siswa
5.	PTSS – PK – PPP – 05	Proses Pembelajaran dan Pengajaran
6.	PTSS – PK – PPP – 06	Pendaftaran Kursus
7.	PTSS – PK – PPP – 07	Perancangan dan Pelaksanaan Latihan Industri
8.	PTSS – PK – PPP – 08	Proses Pengurusan Peperiksaan
9.	PTSS – PK – PPP – 09	Khidmat Bimbingan dan Kaunseling
10.	PTSS – PK – PPP – 10	Pengurusan Disiplin Pelajar
11.	PTSS – PK – PPP – 11	Penilaian Proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)
12.	PTSS – PK – PPP – 12	Penilaian Peralatan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)
13.	PTSS – PK – PPP – 13	Perancangan dan Pelaksanaan Work Based Learning (WBL)

1.0 PENGENALAN

1.1 UMUM

Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ISO 21001:2018 ini adalah dokumen utama dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ini disediakan untuk memenuhi matlamat dan objektif PTSS sebagai institusi pendidikan bagi memberi perkhidmatan kepada pelanggan selaras dengan keperluan Standard ISO 21001:2018. Profil ini mengandungi struktur organisasi, dasar kualiti, objektif kualiti dan prinsip asas yang memandu pelaksanaan proses Pemberian Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bagi peringkat diploma dan sijil.

Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan Profil ini diperlengkapkan lagi dengan dokumen-dokumen prosedur kualiti dan arahan kerja serta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan seperti akta-akta tertentu, pekeliling, garis panduan dan borang-borang bagi melancarkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan PTSS.

1.2 TUJUAN PROFIL SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

Profil Sistem Pengurusan Kualiti ini bertujuan untuk:

a) Menerangkan maklumat am mengenai PTSS.
b) Menjelaskan secara ringkas Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ISO 21001:2018 yang dilaksanakan dalam pengurusan Pemberian Perkhidmatan Pendidikan.
c) Menggariskan dasar kualiti dan keperluan kualiti bagi setiap aktiviti berkaitan dengan pengurusan Pemberian Perkhidmatan Pendidikan yang dilaksanakan dalam memenuhi keperluan Standard ISO 21001:2018.

1.3 PENYEDIAAN, PENGUATKUASAAN DAN PENGEDARAN

Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ini hanya terpakai dan berkuatkuasa setelah diluluskan dan ditandatangani oleh Pengarah PTSS. Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ini adalah **DOKUMEN TERKAWAL** dan semua peraturan dalam pengendalian dokumen adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang tertera dalam prosedur kerja Kawalan Maklumat Didokumentasikan. Dokumen asal Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ini adalah seperti senarai edaran yang disediakan dan dalam kawalan Unit Jaminan Kualiti.

1.4 PENYELARASAN PINDAAN

Unit Jaminan Kualiti bertanggungjawab untuk menyelaraskan pindaan ke atas profil ini seperti mana keperluan Seksyen 7.5.3 Kawalan terhadap maklumat didokumentasikan. Mana-mana bahagian daripada dokumen ini tidak boleh dikeluarkan atau dipinda tanpa kebenaran pihak yang menyediakan dokumen ini.

1.5 BAHAN RUJUKAN BERKAITAN

Bahan rujukan berkaitan yang digunakan dalam penyediaan Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ini adalah:

- *International Standard* ISO 21001:2018, *Educational organizations – Management systems for educational organizations – Requirements with guidance for use.*
- *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition*
- Perintah Am Kerajaan
- Arahan Perbendaharaan
- Pekeliling-pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam
- Akta-akta yang berkenaan
- Garis panduan/ buku panduan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti

2.0 MAKLUMAT MENGENAI ORGANISASI

2.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) telah beroperasi di kampus sementaranya di Kolej Komuniti Darulaman pada 16 Mei 2003. PTSS berpindah ke kampus tetapnya pada 16 Jun 2004 dan pengambilan pelajar yang pertama bermula pada sesi Julai 2004.

Kampus tetap PTSS terletak di KM 25 Lebuhraya Changlun-Kuala Perlis. PTSS merupakan politeknik yang ke 18 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Di antara jabatan yang diwujudkan di PTSS ialah Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Perdagangan, Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Jabatan Pelancongan & Hospitaliti. Empat jabatan sokongan telah ditubuhkan iaitu Jabatan Pengajian Am, Jabatan Matematik, Sains & Komputer, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan Warisan.

Selain dari jabatan akademik PTSS turut di sokong dan dilengkapi dengan Bahagian Komunikasi dan Hubungan Korporat, Bahagian Governan dan Kecemerlangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Pentadbiran, Unit Kewangan, Unit Peperiksaan, Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan, Unit Pembangunan & Penyelenggaraan, Unit Jaminan Kualiti, Unit *Center of Technology* (COT), Unit Perancangan Strategik, Unit Pengurusan Psikologi, Unit Perhubungan & Latihan Industri, Unit Pusat Sumber, Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia, Unit Pusat Data dan Teknologi Maklumat, Unit Penyelidikan dan Inovasi dan Pengkormesialan, Unit CISEC, Unit Keselamatan dan Keceriaan dan Unit Keusahawanan.

PTSS menawarkan program di peringkat Diploma dan Sijil Kemahiran Khas. Tawarannya terbuka kepada semua warganegara Malaysia dengan permohonan melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

2.2 PIAGAM PELANGGAN

1. Mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan iaitu:
   a) Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar sampai untuk mendaftar (1 hari).
   b) Penyediaan kad pelajar disiapkan selewat-lewatnya 2 minggu selepas proses pendaftaran.
   c) Proses PPP dilaksanakan secara sistematik, terancang dan berkesan seperti yang dijadualkan.

d) Status tindakan terhadap aduan pelanggan berkaitan kualiti perkhidmatan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa 2 minggu selepas aduan diterima.
e) Keputusan peperiksaan akhir setiap program siap diproses dalam masa 2 minggu selepas semester pengajian berakhir.

2. Tahap kepuasan pelanggan terhadap pemberian perkhidmatan pendidikan dalam perkara a,b,c,d, dan e adalah lebih atau sama 80%.
3. Memastikan pembekalan memenuhi kehendak proses pemberian perkhidmatan pendidikan dengan prestasi pembekal melebihi 75%.
4. Memastikan 90% infrastruktur dan peralatan di PTSS yang perlu penyelenggaraan berkala diselenggara mengikut jadual.

2.3 AKTIVITI ORGANISASI

Program / aktiviti utama Pemberian Perkhidmatan Pendidikan PTSS menyokong dasar dan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi dalam memperkasakan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) bagi usaha melahirkan graduan berkemahiran dan berkualiti. Program / aktiviti utama yang dimaksudkan adalah seperti yang terkandung dalam Sasaran Kerja Tahunan dan Pelan Strategik PTSS.

2.4 VISI

VISI MENJADI INSTITUSI TVET YANG UNGGUL

2.5 MISI

2.6 STRUKTUR ORGANISASI

2.6.1 PTSS diketuai oleh Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang bertanggungjawab ke atas:

i. Penentuan objektif, hala tuju dan pelan tindakan PTSS.
ii. Segala pengurusan PTSS yang meliputi bahagian pentadbiran, pengurusan kewangan dan pembangunan politeknik.
iii. Merancang dan memastikan perlaksanaan arahan-arahan kerja daripada Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

2.6.2 Timbalan Pengarah (Akademik) PTSS adalah pegawai yang membantu Pengarah PTSS dalam urusan pentadbiran dan pengurusan akademik dan melaksanakan segala tugas yang diarahkan oleh Pengarah PTSS.

2.6.3 Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) PTSS adalah pegawai yang membantu dalam urusan pengurusan dan pentadbiran sokongan akademik seperti dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan kewangan, sumber manusia, pembangunan dan penyelenggaraan, hal ehwal pelajar dan latihan staf.

2.6.4 Ketua-ketua Jabatan/ Unit adalah mereka yang mengetuai jabatan akademik atau sokongan akademik serta unit masing-masing.

2.6.5 Sila rujuk carta organisasi PTSS (*Lampiran 1* dan Laman Web Rasmi Politeknik).

2.7 FUNGSI JABATAN

2.7.1 Jabatan Akademik (Induk)

2.7.1.1 Jabatan Kejuruteraan Elektrik

1) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik)

a) Pengenalan

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik) merangkumi pelbagai disiplin kejuruteraan elektronik, dengan pengkhususan dalam teknologi optik yang merangkumi asas elektrik dan elektronik, asas komputer dan pengaturcaraan, asas sistem komunikasi, peranti semikonduktor dan reka bentuk bantuan komputer di samping menekankan bidang spesifikasi menjelang akhir program. Bidang pengkhususan merangkumi asas optik,

optoelektronik, optosemiconductor, sistem komunikasi gentian optik, komunikasi data dan rangkaian, dan reka bentuk dan fabrikasi CMOS IC. Elemen teknologi hijau juga dimasukkan dalam kurikulum untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan tenaga lestari.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam kejuruteraan optoelektronik yang boleh digunakan untuk pelbagai kerjaya dalam kebanyakan industri mikroelektronik dan semikonduktor. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar daripada program ini akan membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Penolong Jurutera / Juruteknik Optoelektronik
- Juruteknik Makmal Elektronik
- Juruteknik Penyambungan Gentian Optik
- Penolong Jurutera Teknologi Produk
- Penolong Jurutera Proses
- Pembantu Jurutera Produk IC

2) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)

a) Pengenalan

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) merangkumi pelbagai disiplin kejuruteraan elektronik, dengan pengkhususan dalam teknologi komunikasi yang merangkumi, asas elektrik dan elektronik, asas komputer dan pengaturcaraan, asas sistem komunikasi, peranti semikonduktor, dan reka bentuk bantuan komputer, disamping menekankan bidang pengkhususan. Bidang pengkhususan merangkumi rangkaian telekomunikasi, sistem komunikasi gentian optik, komunikasi data dan kerja internet, komunikasi tanpa wayar dan peranti gelombang mikro.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan komunikasi yang boleh diterapkan kepada pelbagai kerjaya dalam kebanyakan bidang komunikasi elektronik. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar daripada program ini akan membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Penolong Jurutera
- Penolong Jurutera Frekuensi Radio
- Eksekutif Teknikal
- Eksekutif Pemasaran
- Penyelia Teknikal
- Penolong Pereka Teknikal
- Penolong Jurutera Rangkaian
- Penolong Pentadbir Rangkaian
- Penolong Jurutera Ujian Memandu
- Penolong Jurutera Penganalisis Ujian Pemacu
- Perancang rangkaian
- Juruteknik Elektrik/Elektronik

3) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)

a) Pengenalan

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) merangkumi pelbagai disiplin dalam kejuruteraan elektronik, dengan pengkhususan dalam teknologi komputer yang merangkumi asas elektrik dan elektronik, asas computer dan pengaturcaraan, peranti semikonduktor dan reka bentuk bantuan komputer disamping menekankan bidang pengkhususan. Bidang pengkhususan merangkumi asas mikropemprosesan, seni bina komputer dan organisasi, sistem pangkalan data, sistem operasi, pengawal berasaskan internet, komputerdiagnosis dan penyelenggaraan, reka bentuk dan fabrikasi IC CMOS dan projek.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan komunikasi yang boleh diterapkan kepada pelbagai kerjaya dalam kebanyakan bidang komunikasi elektronik. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar daripada program ini akan membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Juruteknik Kejuruteraan Elektrik/ Elektronik
- Penolong Jurutera
- Pembantu Teknikal
- Juruteknik penyelenggaraan
- Juruteknik pengeluaran
- Juruteknik kawalan proses
- Juruteknik Instrumentation
- Penolong Pereka Teknikal
- Penolong Jurutera Rangkaian/ Pentadbiran

- Juruteknik Pemasangan Mesin
- *Asssistant Embedded Programmer/ Developer*
- Juruteknik Pereka Susun Atur Litar Bersepadu

2.7.1.2 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

1) Diploma Kejuruteraan Mekanikal

a) Pengenalan

Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal direka untuk melahirkan graduan holistik yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran kompeten dalam bidang kejuruteraan mekanikal bagi memenuhi permintaan pekerja dalam sektor kejuruteraan.Struktur program memberi tumpuan kepada bidang Mekanik Pepejal, Statik & Dinamik, Termodinamik & Pemindahan Haba, Mekanik Bendalir, Bahan, Reka Bentuk Mekanikal, Amalan Bengkel, Pembuatan, Instrumentasi & Kawalan, Penyelenggaraan Mekanikal, dan Teknologi Elektrik & Elektronik.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal yang boleh digunakan dalam pelbagai kerjaya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada program ini akan membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Penolong Jurutera
- Pembantu Teknikal
- Penolong Pengurus Perkhidmatan
- Penasihat Perkhidmatan
- Penyelia
- Juruteknik
- Pengajar Teknikal atau Pensyarah
- Eksekutif Jualan Teknikal/ Jurutera
- Pelukis/ Pereka
- Usahawan

2.7.1.3 Jabatan Perdagangan

1) Diploma Akauntansi

a) Pengenalan

Diploma Akauntansi digubal khusus untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman melalui pendidikan bersepadu dalam bidang-bidang seperti perakaunan, kewangan, pengauditan, percukaian, perakaunan kos dan juga

pengetahuan dalam bidang pengurusan, teknologi maklumat, keusahawanan dan pembangunan kendiri. Pelajar bukan sahaja diajar secara teori asas kewangan dan perakaunan, malah mereka juga diberi pendedahan kepada pengalaman sebenar melalui program latihan industri. Matlamat program ini bukan sahaja melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran mengurus dan merekod kewangan tetapi juga graduan yang berfikiran usahawan. Setiap kursus yang dibina di dalam program ini adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan-badan profesional perakaunan di Malaysia seperti Institut Akauntan Malaysia (MIA), IAS, MFRS, MQA dan IFAC. Program ini diterajui oleh pensyarah yang bukan sahaja berpengalaman dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam bidang kewangan dan pengurusan. Selain bekerja dalam bidang perakaunan, graduan program ini berpeluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dan badan professional seperti ACCA.

b) Prospek Kerjaya

Pelajar yang menamatkan pengajian dari program ini akan dapat pelbagai peluang pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta. Pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperolehi oleh pelajar daripada program ini akan membolehkan mereka menjadi:

- Pembantu Akauntan
- Penolong Pengawal Kewangan
- Penolong Juruaudit
- Juruteknik Cukai
- Usahawan

2) Diploma Pengajian Perniagaan

a) Pengenalan

Diploma Pengajian Perniagaan bertujuan untuk meningkatkan dan memperkayakan pengetahuan pelajar merentas pelbagai bidang perniagaan serta menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran kerjaya dalam perniagaan kontemporari. Bidang pengajian yang dipelajari adalah dinamik dan pelajar akan memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, pengurusan sumber manusia, perakaunan, kewangan, pemasaran, insurans, perbankan dan pelaburan, pengurusan operasi serta keusahawanan. Rangka kerja kursus yang fleksibel membolehkan pelajar memilih laluan yang sesuai dengan minat mereka, sama ada untuk memasuki pasaran kerja atau meneruskan pengajian mereka dalam pelbagai program perniagaan yang selaras dengan perkembangan perniagaan semasa.

b) Prospek Kerjaya

Program ini direkabentuk bagi melengkapkan pelajar dengan pengetahuan yang dan kemahiran yang komprehensif dalam bidang yang berkaitan perniagaan dan keusahawanan. Graduan bidang ini mempunyai peluang kerjaya seperti di bawah:

- Penolong Pembantu Tadbir
- Penolong Pengurus
- Eksekutif Pemasaran dan Jualan
- Eksekutif Sumber Manusia
- Usahawan
- Usahawan e-Dagang
- Pegawai Pembangunan Perniagaan
- Penyelidik Perniagaan
- Pegawai Operasi
- Pegawai atau Agen Insuran

3) Diploma Sains Kesetiausahaan

a) Pengenalan

Diploma Sains Kesetiausahaan membangunkan keupayaan pelajar untuk menghasil dan menguruskan dokumen pejabat dengan sewajarnya, mencipta pembentangan atau cadangan, mengurus teknologi maklumat, menganjurkan acara dan pada masa yang sama menggambarkan personaliti yang menyenangkan. Program

ini akan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan professional setiausaha dan membantu pelajar menjadi pekerja separuh profesional di sector swasta dan awam. Oleh itu, program ini telah direka dengan kemahiran yang tidak ternilai untuk mempersiapkan para pelajar menghadapi persekitaran kerja yang mencabar. Ia merangkumi pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran seperti Kemahiran Menaip Pantas, Pemprosesan Dokumen, Shorthand, Trengkas, Pentadbiran Pejabat, Perisian Aplikasi Pejabat, Pembangunan Keperibadian, Pengurusan Acara dan Perakaunan Perniagaan. Program Sains Kesetiausahaa nmelengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan untuk membantu dalam pelbagai kerja pentadbiran dalam mana-mana organisasi atau industri.

b) Prospek Kerjaya

Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh pelajar dari program ini akan membolehkan mereka untuk mengambil bahagian dalam pasaran kerja sebagai:

- Setiausaha
- Pembantu Peribadi
- Eksekutif Pentadbiran
- Koordinator Acara
- Eksekutif Sumber Manusia
- Eksekutif Perhubungan Awam
- Usahawan

2.7.1.4 Jabatan Rekabentuk Dan Komunikasi Visual

1) Diploma Teknologi Kreatif Digital Seni (WBL)

a) Pengenalan

Program ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kursus disiplin seperti Pemikiran Kreatif, Fotografi, Pengimejan Digital, Papan Cerita, Tipografi, Kajian Filem, Ilustrasi Digital, Penyuntingan & Gubahan, Portfolio dan Teknik Persembahan, Reka Bentuk Bunyi, Lukisan untuk Animasi , Prinsip Animasi, Animasi 2D dan 3D, Reka Bentuk Web, Media Interaktif dan Penyelidikan Reka Bentuk. Namun begitu, Projek pada semester akhir menyediakan kajian yang mendalam untuk meningkatkan kemahiran pelajar yang boleh dikhususkan dalam Animasi 2D dan 3D, Kesan Digital, Multimedia, Reka Bentuk Web atau gabungan beberapa teknik Seni Digital.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran multimedia bersepadu dalam Seni Digital yang boleh diaplikasikan kepada rangkaian kerjaya yang berkaitan dengan industri multimedia, edutainment, infotainment dan hiburan. Pekerjaan yang berpotensi termasuk:

Bidang Seni dan Reka Bentuk:

- *Illustrator*
- Animator 3D & 2D
- *Visualizer* 3D
- Artis Papan Cerita
- Pereka Grafik
- Animasi Jurugambar
- Pereka Kreatif

Bidang Multimedia & Promosi
- Pereka web
- Pereka Multimedia
- Penyunting Video
- Pereka Bunyi

2) Diploma Teknologi Kreatif Digital Produksi Video (WBL)

a) Pengenalan

Program ini menyediakan pendidikan dan latihan dalam kajian video dan filem dengan penekanan khusus pada teknologi digital. Kursus yang ditawarkan seperti Asas Seni dan Reka Bentuk, Asas Lukisan, Sejarah Seni, Teknologi Video Audio, Penyuntingan dan Penggubahan, Pengajian Filem, Pengenalan kepada Penghasilan Video, Pengarahan Lakonan, Kajian Penyiaran, Fotografi Digital, Kajian Visual, Pengimejan Digital, Tipografi , Pengurusan Acara, Penghasilan Video dalam Pengiklanan dan Drama, Penulisan Skrip dan Sinematografi. Projek Media Video adalah kursus semester akhir, yang menyediakan pengetahuan mendalam untuk membangunkan kemahiran pelajar. Pengetahuan dan kemahiran dalam perisian komputer dan peralatan pengeluaran menyediakan pelajar untuk menceburi bidang kerjaya yang luas dalam pelbagai industri penyiaran dan filem. Selain kursus teknikal, pelajar juga diajar Bahasa Inggeris untuk Komunikasi, Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, Tamadun Islam dan Kokurikulum untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam kemahiran insaniah.

b) Prospek Kerjaya

Graduan program ini layak untuk memegang jawatan dalam jawatan pertengahan atau bekerja sebagai pekerja bebas untuk jawatan seperti:

- Penolong Penerbit
- Barisan Pengeluar
- Penulis skrip
- Pengurus Produksi
- Pengendali kamera/juruvideo
- Penolong jurukamera
- Pembantu teknikal
- Gaffer
- Pengarah Seni
- Pereka audio
- Editor Video

2.7.1.5 Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

1) Diploma Pengurusan Acara

a) Pengenalan

Program Diploma Pengurusan Acara direka untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang komprehensif dalam bidang industri acara seperti pentadbiran; operasi, pemasaran, pengurusan risiko dan projek acara yang ditekankanuntuk menyokong pemikiran kreatif. Aspek asas lain dalam industri acara seperti asas pelancongan dan hospitaliti, perkhidmatan pelanggan, keselamatan dan kesihatan, keusahawanan pembangunan dan penghijauan acara juga diterapkan dalam program ini. Enam semester ini program merangkumi spektrum kecekapan dan kebolehan yang diterapkan adalah berkaitan dengan industri di separa profesional mahir pekerjaan. Di samping itu, program ini juga menggabungkan pembelajaran langsung dan pengalaman, dan enam bulan industri berstruktur pengalaman latihan yang akan menyediakan pelajar untuk menjadi kompeten dalam industri ini. Yang paling penting adalah graduan memperoleh keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kecekapan dalam inovatif, kreatif dan responsif untuk menghadapi pelbagai cabaran, masalah dan isu di tempat kerja.

b) Prospek Kerjaya

Diploma Pengurusan Acara menyediakan graduan dengan peluang kerjaya yang pelbagai jenis acara termasuk hotel, pelancongan dan industri perhotelan, agensi pengiklanan, firma perhubungan awam, media berita, pemasaran bersepadu dan komunikasi, syarikat persembahan budaya, syarikat pengurusan destinasi, acara syarikat, kontraktor pameran, Penganjur Persidangan Profesional dan Penganjur Pameran Profesional. Pelajar dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran bersepadu dalam industri pengurusan acara. Pengetahuan dan kemahiran ini boleh digunakan untuk pelbagai kerjaya dalam industri pengurusan acara. Graduan boleh berkhidmat sebagai:

- Pembantu Eksekutif Acara
- Penyelaras Penajaan/ Pengurus
- Perancang Mesyuarat/ Perancang Lawatan Insentif/ Perancang Persidangan/ Perancang Pameran/ Perancang Acara Khas
- Penyelia Operasi Acara/ Penyelaras Program
- Penyelaras Pameran Perdagangan/ Penyelaras Simposium
- Pengurus Projek
- Penyelaras Komunikasi Korporat

2) Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal

a) Pengenalan

Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal direka untuk memperkenalkan pelajar kepada amalan halal dalam industri perkhidmatan makanan. Program ini menyediakan pelajar dengan pemahaman mengenai industri perkhidmatan makanan halal dan kecekapan yang diperlukan untuk kajian halal. Program ini menawarkan kursus seperti perkhidmatan pelanggan untuk pelancongan dan perhotelan, pengenalan kepada industri makanan halal, sistem jaminan halal, amalan terbaik dalam pengeluaran makanan halal, sanitasi perkhidmatan makanan, pemakanan dalam perkhidmatan makanan, teori makanan, sains makanan, asas masakan barat dan timur, perkhidmatan makanan dan minuman, perancangan dan reka bentuk menu, bakeri dan pastri, undang-undang pemakanan, operasi perkhidmatan makanan komersial dan kawalan kos makanan dan minuman.

b) Prospek Kerjaya

Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal menyediakan pelajar dengan pengetahuan bersepadu dan kemahiran penyeliaan atau pengurusan dalam industri perkhidmatan makanan halal. Pelajar juga boleh memohon pekerjaan dalam pengeluaran makanan halal, perkhidmatan makanan halal atau sektor pengeluaran makanan halal. Terdapat banyak laluan kerjaya yang mungkin seperti:

- Penyelia Makanan dan Minuman
- Penyelia Peruncitan Makanan
- Penyelia Restoran
- Usahawan dalam Industri Perkhidmatan Makanan
- Eksekutif dalam Industri Perkhidmatan Makanan
- Kakitangan Perkhidmatan Makanan
- Kakitangan Jaminan Kualiti Makanan dan Minuman
- Eksekutif Halal
- Penyelia Halal
- Usahawan Makanan Halal

3) Diploma Pengurusan Pelancongan

a) Pengenalan

Diploma Pengurusan Pelancongan dibangunkan khusus untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan yang komprehensif dalam industri pelancongan dan spesifik kepada aktiviti kecekapan yang diperlukan seperti dalam operasi perjalanan dan pelancongan, pengurusan acara, pelancongan rekreasi, pemasaran pelancongan dan perkhidmatan tafsiran pelawat. Asas lain bagi kecekapan industri pelancongan seperti asas pelancongan dan hospitaliti, pembangunan profesional, komunikasi, keselamatan dan kesihatan, pembangunan keusahawanan juga diterapkan dalam program ini. Pengetahuan dan kemahiran merangkumi pengurusan pelancongan yang menyediakan graduan dengan pelbagai peluang pekerjaan yang lebih luas. Selain itu, program ini juga memberi penekanan kepada pembangunan potensi pelajar secara bersepadu dan holistik melalui kursus seperti Pengajian Islam, Pengajian Moral, Kokurikulum, Kemahiran Insaniah dan Keusahawanan.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan pelancongan yang boleh digunakan untuk pelbagai kerjaya dalam industri pelancongan. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh pelajar daripada program ini membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Pegawai Pelancongan
- Pemandu Pelancongan
- Pegawai Pembangunan Pakej Pelancongan
- Perunding Percutian
- Kakitangan Jualan dan Pemasaran Pelancongan
- Kakitangan Taman Tema
- Kakitangan Rekreasi
- Kakitangan Kemudahan Rekreasi
- Usahawan dalam Perniagaan Pelancongan

4) Diploma Pengurusan Resort

a) Pengenalan

Diploma Pengurusan Resort direka merangkumi disiplin luas dalam industri pelancongan dan perhotelan. Program diploma ini merangkumi kecekapan dan kebolehan yang berkaitan dengan industri di peringkat mahir, separa mahir dan tahap pekerjaan yang tidak mahir. Ia memerlukan kecekapan dalam pengurusan resort, spa asas operasi, pengurusan kemudahan resort, operasi resort rekreasi, dasar rekreasi, pengurusan dan operasi pengemasan, perkhidmatan makanan dan minuman, pengurusan asas dapur, asas memasak, Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE). Kecekapan asas lain seperti amalan hospitaliti berkonsepkan Muslim, asas pelancongan dan hospitaliti, profesionalisme dan perkhidmatan pelanggan, komunikasi, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pematuhan teknologi hijau dan keusahawanan juga diterapkan dalam program ini.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan resort dengan luas pemahaman mengenai industri pelancongan dan perhotelan. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh pelajar daripada program membolehkan mereka berkhidmat sebagai:

- Perkhidmatan kaunter
- Pengemasan
- Bahagian makanan dan minuman
- Spa
- Rekreasi
- Pengurusan acara
- Usahawan

5) Sijil Khas Operasi Katering

a) Pengenalan

Program Sijil Khas Operasi Katering menawarkan peluang kepada pelajar berkeperluan khas (masalah pendengaran) untuk memulakan kerjaya dalam perkhidmatan operasi katering selaras dengan misi politeknik bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran dalam sektor awam dan swasta di Malaysia. Pelajar dibekalkan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti teknik masakan, seni hidangan dan keselamatan makanan. Bagi melahirkan pelajar yang berdikari dan berdaya saing, ilmu berkaitan keusahawanan juga diterapkan kepada pelajar. Pelajar juga diberi pendedahan tentang alam pekerjaan melalui latihan industri sebagai persediaan untuk menghadapi alam pekerjaan sebenar.

b) Prospek Kerjaya

Program ini menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang katering. Ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui program ini akan membolehkan pelajar memulakan kerjaya dalam bidang berikut:

- Pengusaha Katering
- Pengusaha Produk Bakeri dan Pastri
- Pengusaha Kafe
- Barista
- Penyedia Makanan dan Minuman
- Pembantu Pramusaji
- Pembantu Dapur (Commis)
- Pembantu Penyedia Bakeri dan Pastri
- Krew Restoran/Fast Food/ Coffee Shop

2.7.1.6 Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

1) Diploma Teknologi Maklumat

- *Software and Application Development Track*
- *Networking System Track*

a) Pengenalan

Program pengajian Diploma Teknologi Maklumat ini menyediakan pendidikan dan latihan di dalam bidang Pengkomputeran dengan penekanan khusus pada bidang Teknologi Maklumat. Kursus-kursus yang ditawarkan dikelompokkan kepada modul seperti Platform Technologies, Computing Foundation, Programming Essentials, Industry-Led modules dan Industry Domain Cluster yang merujuk kepada tugas tertentu. Kursus-kursus yang ditawarkan memberi peluang kepada para pelajar untuk mencapai pelbagai kerjaya dalam pelbagai sektor ICT. Program ini juga menyediakan pelajar dengan kemahiran yang boleh pindah dan kemahiran berbagai yang membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan teknologi baru. Di samping kursus teknikal, pelajar juga diajar bahasa Inggeris untuk Teknologi Digital, Pengajian Islam atau Moral Pendidikan, Ko-kurikulum, dan Inventive Problem Solving untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam soft skills. Oleh kerana program ini memberi penekanan kepada self-initiated learning dan hands-on competencies, graduan program ini akan bersedia menghadapi cabaran dunia teknologi pengkomputeran.

b) Prospek Kerjaya

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), permintaan terhadap tenaga kerja ICT dijangka sangat tinggi. Perkembangan pesat dalam ICT telah meningkatkan permintaan graduan IT yang berkelayakan yang memenuhi keperluan industri untuk sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Malah, graduan dari program ini dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan yang boleh digunakan untuk pelbagai kerjaya dalam dunia industri dan perniagaan ICT. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh pelajar dari program ini akan membolehkan mereka untuk menyertai pasaran pekerjaan seperti:

- Pengaturcara Aplikasi Komputer
- Pengaturcara Internet
- Pengaturcara Web
- Pengaturcara Pangkalan Data
- Penolong Juru Analisis Sistem

- Pemaju Perisian
- Pentadbir Pangkalan Data
- Penguji Perisian
- Personel Sokongan Sistem
- Pengaturcara Sistem
- Kakitangan Sokongan Rangkaian
- Pentadbir Rangkaian
- Jurutera Sokongan IT
- Penolong Jurutera Rangkaian

2.7.2 Jabatan Akademik (Sokongan)

2.7.2.1 Jabatan Matematik, Sains dan Komputer

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) merupakan jabatan sokongan akademik di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Perlis. Jabatan ini diterajui oleh seorang Ketua Jabatan dengan dibantu oleh 2 orang Ketua Kursus iaitu Ketua Kursus Matematik dan Ketua Kursus Sains dan Komputer.

JMSK tidak menawarkan sebarang program tetapi mengendalikan kursus teras bagi jabatan-jabatan induk di PTSS dengan menyediakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersistematik bagi kursus Matematik, Sains Kejuruteraan dan Aplikasi Komputer bagi pelajar diploma, pelajar pra-diploma dan pelajar sijil khas yang melibatkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan.

Bagi mencapai misi politeknik, JMSK sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang matematik, sains dan komputer mengikut silibus yang telah ditetapkan dan selari dengan halatuju pendidikan masa kini.

2.7.2.2 Jabatan Pengajian Am

Jabatan Pengajian Am (JPA) ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan komunikasi terutamanya Bahasa Inggeris dan kemantapan akhlak dan jati diri dalam semua bidang yang diceburi. Di samping itu, para pelajar dapat menyiapkan diri dengan nilai-nilai agama dan moral yang baik. Terdapat dua unit di bawah JPA iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral dan Unit Bahasa Inggeris.

2.7.2.3 Jabatan Sukan, Kokurikulum, Kebudayaan dan Warisan

Jabatan Sukan, Kokurikulum, Kebudayaan dan Warisan (JSKKW) merupakan unit yang telah diwujudkan semenjak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin ditubuhkan pada tahun 2004. JSKKW berfungsi sebagai:

- merangsang, mengelola dan memantau semua aktiviti sukan dan kokurikulum di PTSS.
- menyediakan pasukan-pasukan sukan dan kumpulan kokurikulum PTSS bagi semua aktiviti atau pertandingan luar di semua peringkat (pemilihan, latihan, tadbir urus).
- perolehan, pentadbiran dan penambahbaikan kemudahan serta peralatan sukan dan kokurikulum.
- pengurusan kokurikulum dan pengurusan peralatan sukan.
- merancang program peningkatan kemahiran staf dalam bidang sukan dan kokurikulum.

2.7.3 Fungsi Unit

2.7.3.1 Unit Perhubungan Dan Latihan Industri (UPLI)

UPLI bertanggung jawab untuk memastikan semua pelajar yang layak Latihan Industri berjaya mendapat tempat untuk menjalani praktikal yang menjadi syarat untuk lulus pengajian diploma di PTSS. PTSS juga memastikan hubungan dua hala di antara syarikat/firma yang menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar dengan pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) sentiasa baik dan berterusan. UPLI berfungsi sebagai:

- menghebahkan tawaran tempat Latihan Industri kepada pelajar.
- menguruskan penempatan pelajar.
- lawatan dan penyeliaan pelajar di syarikat/firma.
- memanggil balik pelajar yang akan menamatkan Latihan Industri
- pendaftaran pelajar tamat Latihan Industri.
- memberi khidmat kaunseling kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah semasa menjalani Latihan Industri.

2.7.3.2 Unit Peperiksaan

Unit Peperiksaan (UPEP) Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) bertanggungjawab menguruskan dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan peperiksaan, penilaian dan data persijilan. Unit ini diketuai oleh Ketua Unit Peperiksaan dan dibantu oleh dua Pegawai Peperiksaan dan Ketua Penyelaras Peperiksaan Jabatan Akademik (KPPJ). Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Unit Peperiksaan adalah seperti berikut:

- menyelaraskan aktiviti penyediaan soalan peperiksaan pada setiap semester
- menyelaraskan aktiviti berkaitan perlaksanaan peperiksaan akhir (merujuk kepada takwim aktiviti peperiksaan yang dikeluarkan oleh JPPKK)
- menyediakan tempat dan keperluan peralatan bagi tujuan peperiksaan
- pengurusan bank soalan
- memproses dan mengumumkan keputusan penilaian
- penyediaan laporan keputusan peperiksaan akhir semester untuk pembentangan dan pengesahan oleh Jawatankuasa Peperiksaan PTSS
- penyediaan laporan keputusan peperiksaan akhir semester untuk pembentangan dan pengesahan oleh Lembaga Peperiksaan
- penyediaan data dan rekod persijilan
- penyediaan transkrip pelajar
- penyediaan Sijil/Diploma
- membuat pengesahan graduan/lulusan bagi majlis konvokesyen

2.7.3.3 Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK)

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) telah ditubuhkan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) pada Julai 2009 dengan nama Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) pada awalnya. Ia berperanan sebagaimana di universiti sebagai satu pusat kajian iaitu Research Management Center (RMC). Ia bertujuan untuk mendorong dan menggalakkan pensyarah-pensyarah melakukan penyelidikan serta mengamalkan pengajaran berasaskan penyelidikan. PTSS seperti mana politeknik-politeknik lain berpotensi memberi sumbangan signifikan dalam sistem penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dengan pelbagai bidang ilmu, kepakaran dan infrastruktur yang ada.

2.7.3.4 Unit CISEC

Penubuhan Unit Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC) di Politeknik adalah sebagai inisiatif ke arah hubungan politeknik dan industri yang lebih kukuh. Ditubuhkan pada bulan Julai 2010, CISEC berperanan menjadi pusat sehenti (One Stop Centre) dalam memenuhi keperluan industri yang berminat untuk bekerjasama dengan Politeknik terutama bagi projek pengkomersilan dan pengurusan fasiliti atau perkhidmatan pakar runding.

CISEC merupakan satu unit di bawah unit akademik yang ditubuhkan di mana fungsinya adalah untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar PTSS. Unit CISEC memberikan fokus kepada pelajar terutamanya pelajar semester 5 di mana mereka akan didedahkan dengan kursus-kursus yang memberi nilai tambah kepada pelajar PTSS.

CISEC juga berperanan memudahkan jaringan dan kolaborasi di antara PTSS dengan industri, menyediakan perkhidmatan dan maklum balas terhadap keperluan industri, terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan serta meningkatkan kebolehpasaran graduan PTSS.

2.7.3.5 Unit Jaminan Kualiti

Unit Jaminan Kualiti (UJK) bertanggungjawab untuk merancang, melaksanakan dan memantau keberkesanan program-program berkaitan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (SPOP) dan Akreditasi Program Pengajian (MQA/ETAC/MBOT) bagi merealisasikan pencapaian misi dan visi PTSS.

2.7.3.6 Unit Centre of Technology (COT)

Unit COT merupakan unit yang berfungsi untuk:

- membudayakan perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi serta pengajaran dan pembelajaran berkualiti dalam bidang tujahan.
- mempergiatkan kolaborasi dengan komuniti dan industri berkaitan bidang tujahan.
- menggalakkan penulisan dan penerbitan ilmiah berkaitan bidang tujahan.
- meningkatkan pencapaian dan pengiktirafan sama ada peringkat dalam negara atau luar negara dalam bidang tujahan.
- menjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti khidmat kepakaran, penghasilan penyelidikan dan perkongsian pengetahuan dalam bidang tujahan.

2.7.3.7 Unit Pengurusan Strategik

Unit Pengurusan Strategik merupakan unit yang diwujudkan bagi memantau pencapaian KPI PTSS.

2.7.3.8 Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Jabatan ini bertanggungjawab menjalankan segala urusan yang berkaitan dengan pelajar di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

1. Bahagian Pengambilan Pelajar dan Data
   - Pendaftaran Pelajar Baru dan Lapor Diri Pelajar Senior
   - Permohonan Kad Pelajar
   - Pertukaran Kursus dan Politeknik
   - Penangguhan Semester
   - Pengesahan Surat Pengajian Pelajar
   - Pengesahan Pemberhentian Pengajian Pelajar
   - Merekod dan Menyimpan Data Pelajar

2. Bahagian Kebajikan dan Disiplin
   - Menguruskan Bantuan Kewangan
     Kebanyakan pelajar kursus diploma mendapat tajaan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta sebilangan kecil pelajar mendapat tajaan dari lain-lain sumber tajaan seperti JPA, KUOK Foundation, Yayasan Sime Darby, Yayasan Negeri, MARA dan juga lain-lain penaja.

   - Menguruskan Kebajikan Pelajar
     Melaksanakan program pembangunan sahsiah pelajar melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), memantau perjalanan Pilihanraya Kampus, memastikan perjalanan Minggu Suaikenal berjalan dengan lancar, mengeluarkan surat akuan untuk rawatan pelajar jika diperlukan dan memastikan pelajar mendapat rawatan yang sempurna di mana-mana hospital atau klinik, melaporkan kematian dan kemalangan pelajar kepada pihak-pihak tertentu, membantu dalam menyediakan maklumat mengenai penginapan luar kampus kepada pelajar, serta menyelaras dan membantu hal-hal berkaitan biasiswa dan pinjaman pelajar.

   - Pengurusan Disiplin Pelajar
     Tertakluk kepada Undang-undang Malaysia Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Kesalahan Jenayah). Mana-mana pelajar yang dituduh oleh mana-mana mahkamah di Malaysia atas apa-apa kesalahan jenayah, maka dengan sendirinya mulai

tarikh ianya dipertuduhkan, pelajar berkenaan adalah digantung pengajiannya sehinggalah ke tarikh perbicaraannya. Pihak politeknik akan mengeluarkan "Surat Penggantungan Pengajian".

2.7.3.9 Unit Pengurusan Psikologi

Unit Pengurusan Psikologi (UPPsi) merupakan unit sokongan di bawah Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). UPPsi berperanan membantu ke arah perkembangan warga Politeknik (kakitangan dan pelajar) yang sejahtera emosi, pemikiran, fizikal, spiritual dan sosial agar dapat berfungsi dengan baik dan dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Politeknik.

2.7.3.10 Unit Pusat Data Dan Teknologi Maklumat

Unit Pusat Data dan Teknologi Maklumat (ITDC) berperanan memberi perkhidmatan ICT untuk aktiviti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Di antara skop tugas dan tanggungjawab ITDC ialah:

- Pengurusan Sistem Rangkaian Kampus
- Pengurusan Penyelenggaraan Peralatan ICT
- Pengurusan Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP)
- Pengurusan Sistem Kehadiran Kakitangan (Net-AIMS)
- Pengurusan Sistem Aduan ICT (UTMK2U)
- Pengurusan Laman Web Rasmi PTSS
- Pengurusan E-mel Rasmi Kakitangan (MyGovUC 2.0)
- Pengurusan Bilik Server
- Pengurusan Aset ICT
- Pengurusan Perolehan ICT
- Pengurusan Infrastruktur Kekunci Utama Kerajaan (GPKI)
- Pengurusan Sidang Video
- Pengurusan Projek-Projek ICT
- Pengurusan Sokongan Teknikal Bagi Sistem-Sistem Lain

2.7.3.11 Unit Pembangunan Dan Penyelenggaraan

Unit Pembangunan Dan Penyelenggaraan (UPP) sentiasa memastikan infrastruktur, peralatan dan sistem di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin diselenggara secara efektif supaya proses pemberian perkhidmatan pendidikan berjalan dengan sempurna dan lancar. UPP berfungsi untuk:

- menyelenggara infrastruktur sedia ada di Politeknik
- membaiki kerosakan kecil oleh staf

- melaksanakan projek pembangunan
  - menyediakan spesifikasi sebutharga dan tender
  - lawatan tapak untuk projek pembangunan
  - memantau projek sehingga siap sepenuhnya
- sebagai unit rujukan dari segi teknikal
- menyediakan fasiliti majlis
- memastikan semua peralatan, mesin dan sistem berfungsi dengan baik untuk proses pendidikan dan pembelajaran

2.7.3.12 Unit Pusat Sumber

- Mengesan, mengumpul, menyimpan, mengurus, menyedia dan menyebarkan sumber yang bersesuaian, berkualiti dan terkini dalam semua program anjuran Politeknik.
- Memberi perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat.
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memupuk minat dan membudayakan ilmu.

2.7.3.13 Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)

- Bertanggungjawab menyelaras latihan di peringkat jabatan dan unit dalam merancang, mengelola dan mengendalikan latihan semua staf di PTSS dalam memastikan kesinambungan pembangunan profesional dan peningkatan kompetensi berterusan staf dapat dilaksana dengan lebih berkesan.
- Memastikan pemakluman penetapan bilangan hari berkursus bagi pegawai di jabatan pendidikan Politeknik merujuk kepada arahan JPPKK daripada semasa ke semasa.
- Menguruskan tempahan dan penggunaan fasiliti

2.7.3.14 Unit Pembangunan Instruksional Dan Multimedia

Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM) adalah salah satu unit sokongan yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan di PTSS. Antara skop tugas dan peranan UIDM adalah:

- Menguruskan produksi bahan PdP dan bukan PdP berasaskan teknologi multimedia
- Menguruskan perkhidmatan bimbingan dalam aplikasi teknologi multimedia
- Menguruskan penyediaan perkhidmatan peralatan audio visual
- Menguruskan pengarkiban bahan (hasilan) audio visual

- Menguruskan penerbitan bahan bercetak
- Menguruskan perkhidmatan tempahan dan penggunaan dewan

2.7.3.15 Unit Keusahawanan

- Merancang aktiviti berkaitan keusahawanan melibatkan staf dan pelajar.
- Memberi pendedahan aktiviti keusahawanan yang berstruktur dalam kurikulum.
- Menjadi mentor kepada pelajar, peniaga PKS dan komuniti berkaitan dengan aktiviti keusahawanan.
- Membantu mewujudkan prasarana untuk pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan dan perniagaan secara aktif semasa dalam pengajian.
- Membantu kajian pengesanan graduan dan alumni kepada pelajar yang memilih kerjaya sebagai usahawan selepas tamat belajar.

2.7.3.16 Unit Kamsis

Unit Kamsis bertanggungjawab:

- menyediakan tempat penginapan yang selesa, bersih dan selamat.
- menyediakan kelengkapan asas kepada pelajar mengikut kapasiti penghuni bilik.
- menyediakan bilik rekreasi, wakaf untuk beriadah, bilik dobi, pantri, kafeteria dan lain-lain.

2.7.3.17 Unit Pentadbiran & Kewangan berfungsi:

- Merancang dan mengendalikan hal ehwal pentadbiran, pengurusan kakitangan dan pelajar, infrastruktur dan juga kewangan secara cekap dan efisyen.
- Memastikan hal ehwal pentadbiran, pengurusan perkhidmatan, kewangan dan akaun dijalankan mengikut prosedur.
- Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Pengurusan PTSS, JPPKK, Kementerian PendidikanTinggi dan Arahan Perbendaharaan.

2.7.3.18 Bahagian Komunikasi Korporat

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) berperanan merancang dan mengurus bahan-bahan penerbitan PTSS sebagai sumber maklumat seperti video korporat, direktori, laporan tahunan dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan promosi PTSS. Seterusnya merancang dan mengurus imej PTSS dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur. BKK juga merancang dan mengurus aktiviti promosi serta publisiti program pengajian di PTSS. Selain itu, BKK turut menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media, menyediakan kenyataan media dan temubual media cetak/ elektronik/ baharu.

3.0 SKOP PELAKSANAAN, DASAR KUALITI DAN OBJEKTIF KUALITI

3.1 SKOP PELAKSANAAN

Skop perlaksanaan dan pensijilan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ISO 21001:2018 di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin adalah seperti berikut:

Melaksanakan SPOP bagi proses Pemberian Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di peringkat Diploma dalam bidang kejuteraan, perdagangan, hospitaliti, rekabentuk & komunikasi visual dan teknologi maklumat beserta Sijil Kemahiran Khas bagi bidang hospitaliti kepada lulusan SPM dan setaraf dengannya.

Pemberian Perkhidmatan Pendidikan di PTSS melibatkan aktiviti dan proses-proses berikut:

- Pengambilan pelajar
- Pendaftaran pelajar
- Perancangan pengajaran & pembelajaran
- Pelaksanaan pengajaran & pembelajaran
- Penilaian dan peperiksaan
- Pensijilan
- Kebolehpasaran pelajar

Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan ISO 21001:2018 dilaksanakan di jabatan dan unit berikut:

- Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- Jabatan Kejuruteraan Elektrik
- Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual
- Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
- Jabatan Perdangangan
- Jabatan Pengajian Am
- Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
- Jabatan Sukan, Kekurikulum, Kebudayaan dan Warisan
- Unit Perhubungan dan Latihan Industri
- Unit Peperiksaan
- Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
- Unit CISEC
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar
- Unit Pengurusan Psikologi
- Unit Pusat Data dan Teknologi Maklumat
- Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan
- Unit Pusat Sumber
- Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
- Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia

- Unit Keusahawanan
- Unit Kediaman Pelajar
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Jaminan Kualiti
- Unit *Centre of Technology*
- Unit Penilaian Prestasi
- Unit Pentadbiran dan Kewangan

3.2 PENGECUALIAN SKOP PELAKSANAAN

Skop perlaksanaan SPOP ISO 21001:2018 tidak termasuk klausa seperti berikut:

Klausa 7.1.5 Pemantauan dan Pengukuran Sumber

PTSS tidak menggunapakai sebarang peralatan pengukuran yang mampu memberi kesan kepada output perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

Justifikasi:
Klausa ini tidak berkaitan dalam skop PPP PTSS kerana peralatan pengukuran dan pemantauan yang digunakan adalah bertujuan untuk proses pengajaran dan tidak memerlukan ketepatan data-data yang boleh digunakan oleh sebagai rujukan dan penyelidikan oleh pihak-pihak yang berkenaan serta tidak melibatkan kepada penghasilan pengkomersilan produk. Walaubagaimanapun peralatan pengukuran dan pemantauan masih dikawal dan diselenggara bagi memastikan kebolehfungsian.

Klausa 8.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Produk dan Perkhidmatan.

PTSS tidak menggunapakai keseluruhan klausa 8.3 kerana politeknik hanya menggunakan rekabentuk kurikulum yang telah disediakan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) kecuali 8.3.4.4 Kawalan reka bentuk pentaksiran sumatif.

Justifikasi

Ketiadaan keperluan rekabentuk pembangunan tidak menjejaskan keupayaan PTSS dalam memenuhi keperluan pelanggan dan undang-undang atau peraturan yang dirujuk.

3.3 DASAR KUALITI

Dasar Kualiti PTSS adalah seperti berikut:

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin komited dalam membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan di dalam program yang ditawarkan melalui penambahbaikan berterusan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan yang berkesan dalam Pemberian Perkhidmatan Pendidikan.

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin akan memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti dalam memastikan keberkesanan sistem serta berusaha melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

3.4 OBJEKTIF-OBJEKTIF KUALITI

Kecemerlangan Akademik

- Memastikan kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang daripada 95% bagi setiap semester.
- Berusaha memastikan sekurang-kurangnya 28% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program bagi setiap semester.
- Berusaha memastikan sekurang-kurangnya 90% kebolehpasaran pelajar tercapai.

Kecemerlangan Staf

- Memastikan setiap staf menghadiri program-program peningkatan kompetensi.
- Memastikan Jadual Perancangan Latihan Staf dilaksanakan sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh setahun.

Kecemerlangan Proses

- Memastikan semua proses dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan.
- Kepuasan pelanggan terhadap pemberian perkhidmatan pendidikan adalah sama atau lebih 80%.
- Memastikan pembekalan memenuhi kehendak proses PPP dengan prestasi pembekal melebihi 75%.
- Memastikan 90% infrastruktur dan peralatan di PTSS disenggara mengikut jadual.

4.0 KONTEKS ORGANISASI

4.1 MEMAHAMI ORGANISASI DAN KONTEKSNYA

PTSS merupakan politeknik yang ke-18 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang berfungsi sebagai pusat pemberian pendidikan dan latihan separa professional kepada lulusan SPM dan setaraf denganya dalam bidang kejuruteraan, perdagangan, hospitaliti, rekabentuk dan komunikasi visual, teknologi maklumat dan bidang-bidang yang lain bagi memenuhi tenaga kerja terlatih negara.

Fungsi Pengurusan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

- Merancang dan menyelaras hal-hal berkaitan dengan pengurusan sumber manusia di PTSS.
- Merancang dan menyelaras hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan serta latihan dan kerjaya.
- Merancang, melaksana dan mengawal selia proses kemasukan dan hal ehwal pelajar.
- Merancang, menyelia dan melaksanakan Anggaran Belanja Mengurus.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan program akademik agar selari dengan kehendak JPPKK KPT dan bersesuaian dengan keperluan pemodenan industri dan negara.

PTSS menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan dengan tujuan, tanggungjawab sosial dan halatuju strategiknya, serta pelan tindakan yang memberi kesan kepada prestasi PTSS untuk mencapai hasil yang dikehendaki oleh SPOP PTSS.

PTSS telah memantau dan mengkaji semula maklumat tentang isu luaran dan dalaman ini.

NOTA 1 Isu boleh termasuk faktor positif dan negatif untuk dipertimbangkan.

NOTA 2 Memahami konteks luaran boleh dipermudahkan dengan mempertimbangkan isu yang timbul daripada faktor teknologi, daya saing, pasaran, budaya, politik, ekonomi dan persekitaran sama ada di peringkat antarabangsa, kebangsaan, serantau atau tempatan.

NOTA 3 Memahami konteks dalaman boleh dipermudahkan dengan mempertimbangkan isu yang berkaitan dengan nilai, budaya, pengetahuan dan prestasi organisasi.

Nota 4 Hala tuju strategik boleh dinyatakan menerusi maklumat didokumentasikan seperti penyataan visi dan misi organisasi.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
   - PTSS-PK-PS-08 (Pengurusan Risiko dan Peluang)
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

4.2 MEMAHAMI KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Disebabkan oleh kesan atau kesan yang berpotensi terhadap keupayaan PTSS untuk menyediakan secara tekal *(consistently)* dan mengekalkan *(sustainably)* produk dan perkhidmatan pendidikan, PTSS telah menentukan:

a) pihak yang berkepentingan yang relevan dengan SPOP;
b) keperluan pihak yang berkepentingan yang relevan.

Pihak yang berkepentingan telah termasuk:
- pelajar;
- benefisiari yang lain;
- staf PTSS; dan
- lain – lain

Pihak yang berkepentingan dikategorikan seperti dibawah:



PTSS telah memantau dan mengkaji semula maklumat tentang pihak yang berkepentingan dan keperluan mereka yang relevan. Pihak berkepentingan dalam Sistem Organisasi Pendidikan ini adalah pelajar, ibu bapa, staf, alumni, komuniti Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kerajaan Negeri, Agensi-agensi Kerajaan, Badan-badan Akreditasi, penaja biasiswa, industri, Organisasi Pendidikan lain, bakal majikan, pembekal luar dan pengamal media.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
- PTSS-PK-PS-08 (Pengurusan Risiko dan Peluang)

e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

4.3 SKOP SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

Skop bagi Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan MS ISO 21001:2018 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 3.1.**

Semua keperluan standard ISO diguna pakai di dalam SPOP (kecuali klausa 7.1.5 dan klausa 8.3) dan melibatkan semua jabatan dan unit di PTSS. Skop ini telah mengambil kira perkara berikut:

a) isu luaran dan dalaman yang dirujuk di dalam klausa 4.1
b) keperluan pihak berkepentingan yang dirujuk di dalam klausa 4.2 dan
c) perkhidmatan yang disediakan yang dirujuk di dalam klausa 3.1

Organisasi hendaklah mengguna pakai semua keperluan dokumen ini jika ia terpakai dalam skop yang ditetapkan dalam EOMSnya.

Skop EOMS hendaklah tersedia dan diselenggara sebagai maklumat didokumentasikan (*documented information*). Skop ini hendaklah menyatakan jenis produk dan perkhidmatan yang diliputi, dan memberi jusitfikasi bagi apa-apa keperluan dokumen ini yang ditentukan oleh organisasi sebagai tidak terpakai untuk EOMSnya.

Keakuran terhadap dokumen ini hanya boleh diakui jika keperluan yang ditentukan sebagai tidak terpakai, tidak menjejaskan keupayaan atau tanggungjawab organisasi bagi mamastikan keakuran produk dan perkhidmatannya dan peningkatan kepuasan pelajar dan benefisiari yang lain.

Semua produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelajar oleh organisasi Pendidikan hendaklah dimasukkan ke dalam skop EOMS ini.

4.4 SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

4.4.1 Mewujud, Melaksana Dan Menambahbaik Secara Berterusan SPOP

SPOP PTSS menggunakan kitaran PDCA seperti berikut:



Turutan dan hubungkait di antara proses-proses dalam SPOP PTSS adalah seperti berikut:



Struktur Dokumentasi SPOP adalah berasaskan kepada rajah-rajah di bawah:



Aktiviti Teras Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan

i. Pengambilan Pelajar

Proses pengambilan pelajar bagi mengikuti pengajian di PTSS ditentukan oleh Bahagian Pengambilan Pelajar JPPKK. PTSS akan menerima senarai pelajar yang layak mengikuti pengajian peringkat sijil dan diploma di PTSS berdasarkan program yang telah ditawarkan. Pelajar akan menerima surat tawaran program pengajian dan tarikh pendaftaran.

ii. Pendaftaran Pelajar

Pelajar yang menerima surat tawaran akan mendaftar pengajian mengikut tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh PTSS. Selepas pendaftaran, pelajar akan mengikuti Program Minggu Transformasi Siswa. Dalam program tersebut pelajar diberi pendedahan berkaitan peraturan akademik, pelan pengajian dan perkara-perkara lain yang berkenaan.

iii. Pengendalian Pengajaran dan Pembelajaran

Proses Pengajaran dan Pembelajaran bermula dengan para pensyarah membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran dan memastikan infrastruktur dalam keadaan tersedia untuk digunapakai. Sebelum memulakan proses pengajian pelajar akan mendaftar kursus yang telah ditetapkan dalam struktur program. Setiap pelajar dikehendaki mengambil jam kredit yang telah ditetapkan mengikut program pengajian yang diambil. Setiap topik dalam sesuatu kursus hendaklah disampaikan mengikut pelan pengajian akademik/ kursus.

iv. Pengendalian Peperiksaan

Semua pelajar yang layak mengikuti Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian, diwajibkan menduduki peperiksaan akhir. Peperiksaan akhir dinilai mengikut program yang diikuti oleh pelajar. Proses pemarkahan, pengumpulan dan hebahan markah kepada pelajar serta rayuan meneruskan pengajian akan diuruskan oleh Unit Peperiksaan PTSS.

v. Penilai Perkhidmatan

Penilaian terhadap Pemberian Perkhidmatan Pendidikan melalui maklum balas pelanggan. Bagi proses Pengajaran dan Pembelajaran analisa adalah melalui Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP).

vi. Penganugerahan Sijil Diploma

Semua pelajar yang telah memenuhi syarat dan disahkan oleh Mesyuarat Lembaga akan dianugerahkan Diploma/ Sijil di Majlis Konvokesyen PTSS.

vii. Kebolehpasaran

Kebolehpasaran merupakan salah satu objektif kualiti bagi menentukan mutu perkhidmatan yang disediakan. Analisa kebolehpasaran dibuat bagi pelajar yang telah tamat pengajian di PTSS oleh Unit CISEC.

Interaksi proses Pemberian Perkhidmatan Pendidikan diringkaskan dalam bentuk peta hubungkait proses Pengajaran dan Pembejaran (PdP). Ia memberi gambaran mengenai turutan dan hubungkait antara proses utama dan sokongan dalam SPOP PTSS. Carta aliran proses PPP adalah seperti **Lampiran 2** (***BUSINESS PROCESS MAPPING* UNTUK PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN).**

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
- PTSS-PK-PS-08 (Pengurusan Risiko dan Peluang)

e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

4.4.2 Menyelenggara *(maintain)*

PTSS telah:

a) menyelenggara *(maintain)* maklumat yang didokumenkan bagi menyokong operasi proses-proses;
b) menyimpan *(retain)* maklumat yang didokumenkan bagi mewujudkan keyakinan proses-proses yang dilaksana adalah seperti dirancang.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
- PTSS-PK-PS-02 (Kawalan Maklumat Didokumentasikan)

e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

5.0 KEPIMPINAN

5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN

5.1.1 Umum

Pengurusan Atasan PTSS sentiasa komited kepada pembangunan dan pelaksanaan SPOP ISO 21001:2018 serta sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik sistem bagi menjamin keberkesanannya dengan:

a) mengambil kebertanggungjawaban terhadap keberkesanan SPOP PTSS.
b) memastikan bahawa dasar kualiti dan objektif kualiti dibangunkan bagi Sistem Pengurusan Kualiti dan sesuai dengan konteks dan hala tuju strategik PTSS.
c) memastikan integrasi keperluan SPOP ke dalam proses pengurusan PTSS.
d) menggalakkan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko.
e) memastikan sumber-sumber sentiasa tersedia apabila diperlukan dalam SPOP.
f) menyampaikan kepentingan SPOP yang berkesan dan pematuhan kepada keperluan terhadap SPOP PTSS.
g) memastikan SPOP mencapai keputusan yang dikehendaki.
h) melibatkan diri secara menyeluruh dan memberi sokongan kepada setiap individu yang menyumbang kepada keberkesanan SPOP PTSS.
i) menggalakkan usaha dan aktiviti penambahbaikan.
j) menyokong peranan-peranan Pengurusan yang relevan untuk menunjukkan kepemimpinan yang berkaitan dengan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.
k) menyokong pelaksanaan visi politeknik dan konsep berkaitan pendidikan.
l) mewujud, membangun dan mengekalkan Pelan Strategik PTSS.
m) memastikan syarat-syarat kemasukan termasuk syarat-syarat khas mengikut ketetapan JPPKK.
n) mementingkan prinsip tanggungjawab sosial dengan komuniti setempat dan antarabangsa.

NOTA Rujukan kepada ‘bisnes’ dalam standard antarabangsa ini boleh diterjemahkan secara meluas iaitu aktiviti teras terhadap kewujudan organisasi, sama ada organisasi tersebut adalah awam, swasta, berasaskan keuntungan atau tidak berasaskan keuntungan.

5.1.2 Fokus Kepada Pelajar Dan Pihak Berkepentingan

Pengurusan Atasan PTSS sentiasa prihatin terhadap keperluan pelajar dan pihak berkepentingan dengan memastikan semua maklum balas diambil kira untuk penambahbaikan perkhidmatan.

Proses pengendalian maklum balas pelanggan adalah melalui:

a) Kajian Selidik Kemudahan dan Perkhidmatan PTSS
b) Piagam pelanggan
c) Sistem Aduan Awam Pelanggan PTSS
d) **Prosedur Proses Pengendalian Maklumbalas Pelanggan (PTSS-PK-PS-04)**

Selain itu, pihak Pengurusan Atasan juga memastikan risiko dan peluang yang memberi kesan kepada perkhidmatan dan kepuasan pelanggan ditentukan dan ditangani dengan efektif melalui:

a) Prosedur Pengurusan Risiko dan Peluang (PTSS-PK-PS-08)

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

5.1.3 Keperluan Tambahan Terhadap Pendidikan Berkeperluan Khas

Pelajar berkeperluan khas adalah seseorang yang mungkin memerlukan pendidikan yang tidak dapat dipenuhi menerusi arahan dan amalan pentaksiran biasa (contohnya: pengecualian *(exceptionality)* seperti tingkah laku, komunikasi, intelektual, fizikal, kepintaran, atau keperluan lain pelajar bagi pendidikan khas. Pelajar boleh mempunyai lebih daripada satu exceptionality). Ini bermakna keperluan bagi memastikan kewujudan saluran komunikasi supaya pihak yang berkepentingan boleh menerima maklumat yang mereka perlukan untuk aktiviti mereka.

PTSS merupakan salah satu politeknik yang menawarkan Sijil Khas Operasi Katering bagi lepasan Sekolah Pendidikan Khas atau Program Pencantuman Pendidikan Khas (ketidakupayaan pendengaran). Oleh itu, Pengurusan Atasan PTSS sentiasa menyokong dan memberi komitmen terhadap keperluan-keperluan bagi pendidikan berkeperluan khas ke program di PTSS. Proses pengendalian Pendidikan Berkeperluan Khas adalah melalui:

a) penyediaan tenaga pengajar khas (jurubahasa isyarat) bagi bidang pengajian tersebut.
b) penyediaan latihan kepada tenaga pengajar bagi menyokong capaian di dalam persekitaran pembelajaran.
c) pengambilan pelajar-pelajar khas mengikut buku Garis Panduan Pengambilan Pelajar Politeknik.
d) penyesuaian *(accommodation)* yang munasabah *(reasonable)* disediakan untuk pelajar berkeperluan khas bagi menggalakkan capaian yang adil kepada kemudahan dan persekitaran pendidikan seperti pelajar lain.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

5.2 DASAR SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (SPOP)

5.2.1 Membangunkan Dasar SPOP

Pengurusan PTSS telah mewujudkan Dasar SPOP untuk memimpin dan memandu PTSS ke arah peningkatan secara berterusan. (Rujuk 3.3: Dasar Kualiti PTSS) Sehubungan dengan itu, pengurusan PTSS akan memastikan segala perancangan dan tindakan yang dilaksanakan mengambilkira perkara-perkara berikut:

a) menyokong misi dan visi.
b) sesuai dengan tujuan, konteks dan objektif.
c) menyediakan hala tuju dalam penetapan objektif organisasi pendidikan.
d) memenuhi keperluan-keperluan yang dikenalpasti.

e) berteraskan penambahbaikan berterusan EOMS.
f) seiring dengan pembangunan dan perkembangan pendidikan, saintifik dan teknikal.
g) memenuhi tanggungjawab sosial PTSS.
h) mematuhi prinsip pengurusan harta intelek.
i) mengambilkira keperluan dan hasrat pihak berkepentingan.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

5.2.2 Mengkomunikasikan Dasar SPOP

Kaedah penyampaian Dasar SPOP telah diamalkan di PTSS.



Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

5.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG KUASA ORGANISASI

Tanggungjawab dan kuasa untuk semua anggota dijelaskan dalam Carta Organisasi, surat perlantikan, surat kuasa, senarai tugas dan prosedur-prosedur pengurusan organisasi yang telah didokumenkan.

Pengurusan Atasan memastikan bahawa setiap anggota mengetahui tanggungjawab dan kuasa yang diberikan melalui mesyuarat, latihan dan taklimat untuk memastikan SPOP dilaksanakan dan dikekalkan dengan cekap dan berkesan.

Pengurusan Atasan akan menetapkan tanggungjawab dan kuasa untuk:

a) memastikan SPOP menepati keperluan Standard ISO 21001:2018.
b) memastikan dasar organisasi pendidikan difahami dan dilaksanakan.
c) memastikan proses-proses di dalam SPOP menghasilkan output-ouput yang dikehendaki.
d) melaporkan prestasi EOMS dan peluang penambahbaikan (lihat 10.1) kepada pihak pengurusan atasan Organisasi Pendidikan (lihat 9.3.2)
e) memastikan konsep “memfokuskan pelajar dan penerima manafaat” dipromosikan di dalam organisasi.
f) memastikan integrasi SPOP dipelihara apabila perubahan pada SPOP dirancang dan dilaksana.
g) mengurus komunikasi Organisasi Pendidikan (lihat 7.4).
h) memastikan semua proses pembelajaran diintegrasi tanpa mengira kaedah penyampaian.
i) mengawal maklumat yang didokumentasikan (lihat 7.5).
j) mengurus keperluan bagi pelajar berkeperluan khas.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

6.0 PERANCANGAN

6.1 TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG

6.1.1 Perancangan Tindakan Risiko dan Peluang

Apabila merancang SPOP, PTSS telah mempertimbangkan isu merujuk kepada 4.1 dan keperluan merujuk kepada 4.2 dan 4.4 dan menentukan risiko dan peluang yang perlu dinyatakab *(address)* untuk:

a) memberi jaminan SPOP boleh mencapai keputusan yang dimaksudkan;
b) mempertingkatkan kesan yang diingini;
c) mencegah, mengurang (mitigate) atau merendahkan (reduce), kesan yang tidak diingini;
d) mencapai penambahbaikan berterusan.

6.1.2 Proses Tindakan

PTSS telah merancang:

a) tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang;
b) Bagaimana untuk:
   - mengintegrasi dan melaksanakan tindakan ini ke dalam proses SPOP (rujuk klausa 8);
   - menilai keberkesanan tindakan ini.

Tindakan yang diambil dalam menyatakan risiko dan peluang adalah sepadan dengan impak yang berpotensi ke atas keakuran produk dan perkhidmatan.

NOTA 1 Pilihan untuk menyatakan risiko merangkumi: mengelak risiko, mengambil risiko untuk mengejar peluang, menghapuskan sumber risiko, mengubah kebarangkalian atau akibat, berkongsi risiko, atau mengekalkan risiko menerusi keputusan bermaklumat.

NOTA 2 Peluang boleh membawa kepada menerimapakai amalan baharu, melancarkan produk baharu, membuka pasaran baharu, menambah pelajar dan benefisiari yang lain, membina perkongsian; menggunakan teknologi baharu dan kemungkinan keinginan dan yang berdaya maju dalam menyatakan keperluan organisasi atau pelajar dan benefisiari yang lain.

Pemilik Proses: Pengurusan Tertinggi, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pemilik Proses

Dokumen berkaitan:
a) Pelan Strategik PTSS
b) Pelan Tindakan PTSS
c) Profil SPOP
d) Prosedur Kerja ISO 21001:2018 PTSS
   - PTSS-PK-PS-08 (Pengurusan Risiko dan Peluang)
e) Laporan Kajian Semula Pengurusan
f) Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2nd Edition
g) Dasar, Pekeliling dan garis panduan yang berkuatkuasa

6.2 OBJEKTIF PTSS

6.2.1 Perancangan Pencapaian Objektif PTSS

PTSS telah mewujudkan objektif pada fungsi, peringkat dan proses yang relevan, yang diperlukan oleh SPOP.

Objektif PTSS adalah:

a) tekal (consistent) dengan dasar PTSS
b) boleh diukur (jika praktikal)
c) mengambil kira keperluan yang berkaitan
d) relevan dengan keakuran produk dan perkhidmatan serta mempertingkatkan kepuasan pelajar, staf dan benefisiari yang lain;
e) dipantau secara berterusan
f) disampaikan/dikomunikasikan
g) dikemaskini dengan sewajarnya

PTSS telah menyelenggara dan menyimpan maklumat didokumentasikan berkaitan dan pencapaian objektif tersebut.

Objektif Kualiti PTSS adalah berlandaskan kepada Teras Strategik yang telah ditetapkan oleh JPPKK. Dengan itu, PTSS juga telah membangunkan Pelan Strategik bagi menggambarkan intipati pelan secara menyeluruh untuk mendorong penghayatan setiap warga dan seterusnya diterjemahkan kepada pelan tindakan yang berkesan. Setiap Teras Strategik mempunyai beberapa Objektif Strategik yang perlu dilaksanakan bagi menentukan pencapaian setiap KPI.

TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF STRATEGIK ORGANISASI

6.2.2 Strategi Untuk Mencapai Objektif Kualiti

Apabila merancang, PTSS telah menentukan dan merangka (*outline*) di dalam pelan strategi:

a) apa yang perlu dilaksanakan;
b) apa sumber yang diperlukan;
c) siapa yang bertanggungjawab;
d) bila ianya akan siap/lengkap;
e) bagaimana keputusan akan dinilai.

